

DBKL cadang bina lebih banyak sekolah dengan konsep menegak

Tanah terhad, DBKL cadang bina sekolah konsep 'menegak' 10 hingga 17 tingkat

Nasional 8



Usaha atasi isu tanah terhad, pertambahan penduduk

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang membina lebih banyak bangunan sekolah dengan konsep menegak dengan menempatkan bangunan dua blok antara 10 hingga 17 tingkat dalam usaha mengatasi isu tanah yang terhad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata syor itu bagi memenuhi keperluan tanah terhad serta pertambahan penduduk di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, cadangan berpandukan konsep diguna-pakai beberapa negara maju akan dibincangkan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) bagi tujuan pelaksanaannya.

Konsep sekolah menegak itu turut diguna pakai di beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Denmark dan Australia.

"Konsep ini digunakan secara meluas di Australia dan dibina secara konvensional, merangkumi padang serta blok bangunan

dipadatkan menjadikan sekolah dua blok antara 10 hingga 17 tingkat.

"Ini tanpa kita mengorbankan elemen penting dalam pelajaran, sukan dan rekreasi, selain memanfaatkan ruang atas bumbung," katanya pada sesi lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Onn Abu Bakar (PH-Batu Pahat) mengenai pembangunan kemudahan asas seperti dewan dan sekolah di sekitar Kuala Lumpur memandangkan keluasan tanah yang terhad.

Menjawab soalan asal, Dr Zaliha berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan belum bercadang membangunkan projek perumahan mampu milik di atas 84 lot tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan keluasan 164.5 hektar.



Dr Zaliha Mustafa

Sebaliknya, beliau berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan sudah mengenal pasti 139 tapak dengan keluasan 1,228.95 hektar untuk pembinaan projek yang akan dibuat secara pembangunan semula pada masa akan datang.

Katanya, pembangunan itu akan dibuat seiring Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

"Bagi memastikan sasaran ini tercapai, Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 memperkenalkan Zon Guna Tanah Kediaman 4, iaitu zon khusus bagi pemba-

ngunan rumah mampu milik, termasuk perumahan awam, dengan keluasan 354.47 hektar.

"Perumahan mampu milik juga dirancang di zon pembangunan kediaman berintensiti tinggi, zon perdagangan dan zon pembangunan bercampur, dengan tambahan keluasan 253.39 hektar.

"Keluasan berpotensi ini untuk semua jenis kategori rumah mampu milik, tidak terhad kepada projek Jabatan Wilayah Persekutuan-Residensi MADANI dan Projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) sahaja," katanya.

Penyertaan sektor swasta

Dr Zaliha berkata, perancangan itu tidak hanya tertumpu kepada tanah kerajaan, tetapi turut mengambil kira penyertaan sektor swasta, selaras kelulusan dan komitmen diberikan bagi tempoh sehingga 2040.

Seterusnya beliau berkata, sebagai langkah proaktif dan inisiatif kreatif bagi memastikan perumahan mampu milik dapat diakses golongan memerlukan, Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 turut menyenaraikan enam tapak bagi Perumahan Awam Sewa Bersubsidi di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program itu katanya, bertujuan menyediakan kediaman sewaan berpatutan, khusus bagi golongan B40 dan sebahagian daripada M40.

"Kerajaan maklum sasaran menyediakan rumah mampu milik secukupnya di Kuala Lumpur tidak terealisasi secara organik, kerana sifat industri pembinaan



SMK Seri Sentosa Kuala Lumpur antara bangunan sekolah konsep menegak.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

berorientasikan keuntungan.

"Justeru, pembangunan rumah mampu milik di Kuala Lumpur akan dilaksana secara lebih tersusun dan inklusif, selari keperluan visi Bandar CHASE yang menjadi rujukan pembangunan Wilayah Persekutuan," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, sebanyak 80,000 unit Residensi MADANI dan RUMAWIP dirancang untuk dibina dalam tempoh 10 tahun, antara 2018 hingga 2028.

Setakat ini katanya, sebanyak 91 peratus daripada sasaran berkenaan sudah dicapai dengan 72,864 unit siap dibangunkan melalui 101 projek di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Kejayaan ini bukan berlaku secara kebetulan, tetapi hasil campur tangan strategik kerajaan yang sentiasa mengadaptasi penyelesaian kreatif bagi memastikan pembangunan rumah mampu milik dapat direalisasikan," katanya.